

LOGO EKSA – 5S



PENERANGAN LOGO

1. Bulatan melambangkan perpaduan dan kerjasama dikalangan kakitangan
2. Warna merah, hitam, kuning dan putih merupakan warna Logo Negeri Sembilan.
3. Kondusif dan Produksif merupakan moto EKSA Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah.

APA ITU EKSA (5S)

Ekosistem Kondusif Sektor Awam ringkasnya EKSA atau dahulunya dikenali 5S. merupakan satu kaedah pengurusan yang dipelopori oleh pihak industri di Jepun bagi mewujudkan persekitaran kerja yang selesa, kemas dan selamat. Amalan EKSA bermatlamat mewujudkan persekitaran kerja yang berkualiti secara sistematik dan praktikal. Pelaksanaan Amalan EKSA yang berkesan dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan, menjimatkan kos dan memudahkan proses kerja.

POLISI EKSA

Memastikan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) dilaksanakan secara berterusan dan konsisten melalui budaya kerja berpasukan, berdisiplin dan bertoleransi dengan mengutamakan kebersihan, kekemasan, keselesaan dan keselamatan di tempat kerja.



EKSA

EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM



PANDUAN AMALAN EKSA PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA PILAH

Untuk Kegunaan Kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah Sahaja

MAKSUD SINGKATAN 5S

BAHASA MELAYU	JEPUN	CONTOH
Sisih	Seiri	Menyisihkan fail lama tidak aktif dengan fail baru yang masih aktif
Susun	Seiton	Menyusun dokumen/ bahan/ alatan pejabat supaya mudah diambil.
Sapu	Seiso	Menyapu/ membersihkan ruang pejabat serta peralatan.
Seragam	Seiketsu	Menyeragamkan susunan fail/ meja/ peralatan pejabat.
Sentiasa Amal	Shitsuke	Mengamalkan selalu aktiviti sisih, susun, sapu dan seragam.